SEJAUH MANAKAH PENERIMAAN MASYARAKAT TERHADAP BARANGAN TEMPATAN DAN BARANGAN YANG DIIMPOT. APAKAH INISIATIF KERAJAAN DALAM MENGHADAPI KEADAAN TERSEBUT.


OLEH

ISMARUDDIN BIN IBRAHIM


Tesis ini dikemukakan kepada Kajian Senilukis dan Senireka, Institut Teknologi Mara, sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Diploma Senilukis dan Senireka.

1. Di Periksa Oleh :................ Tarikh...................

2. Di Periksa Oleh :................ Tarikh...................

3. Di Periksa Oleh :................ Tarikh...................

Di Luluskan Oleh :.................. Tarikh...................

Ketua Kajian

Kajian Senilukis dan Senireka

Institut Teknologi Mara

Shah Alam Selangor

KANDUNGAN TESIS

| Bil. | Perkara | | Halaman |
|---|---|---|---|
| 01. | Pendahuluan | | i |
| 02. | Penghargaan | | ii |
| 03. | Senarai carta | | iv |
| 04. | Bab 1 | | |
| | 1.0 | Pengenalan | 1- 4 |
| | 1.1 | Difinisi masyarakat | 5- 8 |
| | 1.2 | Mengenal pasti barangan tempatan dan barangan diimport | 9 |
| | 1.2.1 | Apakah yang dimaksudkan barangan tempatan | 9-10 |
| | 1.3 | Apakah yang dinamakan barangan diimport | 11 |
| | 1.3.1 | Garis panduan bagi mengimport barangan | 12-15 |
| | 1.4 | Apakah jenis barangan yang hendak di kaji selidik | 16 |
| | 1.5 | Kategori barangan kajian | 17 |
| | 1.5.1 | Kegunaan pertukangan | 17 |
| | 1.5.2 | Alatan baik pulih | 17 |
| | 1.5.3 | Kegunaan harian | 18 |
| | 1.5.4 | Manual (Tidak menggunakan letrik) | 19 |
| 05. | Bab 2 | | |
| | 2.0 | Kajian terhadap minat pengguna | 20 |
| | 2.1 | Peringkat golongan pengguna | 20 |
| | 2.1.1 | Gulungan mewah atau gulungan kaya | 20 |
| | 2.1.2 | Gulungan sederhana | 20-21 |
| | 2.1.3 | Gulungan miskin | 21 |
| | 2.2 | Antara ciri-ciri yang dititikberatkan oleh pengguna | 21-22 |
| | 2.3 | Pandangan pengguna terhadap ciri-ciri barangan tempatan | 22-23 |
| | 2.3.1 | Jenama | 23 |
| | 2.3.2 | Mutu | 23 |
| | 2.3.3 | Keupayaan | 23 |

PENDAHULUAN

Ada dikalangan setengah masyarakat akan merasa megah ketika mereka menggunakan pakaian daripada Italy, Amerika dan Perancis. Bagi mereka, apa yang akan mereka gayakan lain dari yang lain, ada kelas dan bermutu tetapi sedarkah mereka apa yang digayakan itu hampir sama dengan barangan dari negara mereka bahkan lebih bermutu dari barangan tersebut. Perasaan sebeginilah perlu dikikiskan dari fikiran masyarakat sekarang ini.

Bayangkanlah satu hari kelak, semua masyarakat tidak mengenakan pakaian atau peralatan luar negeri, malah merasa bangga dengan hasil keluaran tempatan, mereka bergaya kemeja-mana dengan kasut bata, melancong dengan Proton Saga dan menggunakan segala peralatan barangan negara mereka sendiri. Bagi mencapai matlamat tersebut, kerajaan dari semua pihak amatlah diperlukan. Kesedaran dari setiap individu juga menjadi perkara utama.

Hasil dari kesedaran yang menyeluruh inilah sedikit sebanyak dapat membantu negara mempertingkatkan pengeluaran barangan produk. Kempen untuk mempertingkatkan pengeluaran barangan juga akan dijalankan. Hasil dari itulah mutu barangan kita dapat menandingi barangan impot. Sebelum impian itu menjadi kenyataan, perlulah kita ketahui bagaimanakah caranya untuk mengolah pandangan pengguna terhadap barangan tempatan. Kempen yang berkesan perlulah dilaksanakan. Sasaran itu juga tidaklah tertakluk pada masyarakat

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur saya kehadrat Illahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya saya dapat menyusun dan menyempurnakan tesis ini dengan sebaiknya. Terdapat berbagai-bagai cabaran dan dugaan yang ditempuhi. Walau bagaimanapun dengan bantuan dan kerjasama penyarah-penyarah, pihak-pihak tertentu dan juga kawan-kawan maka kesukaran tersebut dapat ditempuhi.

Ingin sekali saya merakamkan jutaan terima kasih saya kepada orang-orang perseorangan yang telah membantu, menasihati dan membimbing saya dalam proses penyiapan tesis ini. Antara yang terlibat ialah Encik Muhammad Sabri b. Abdul Rahman, Penolong Pengarah Malaysian Export Trade Centre, Encik Yap Chuan Chiam, Pengurus Syarikat Noritake, Encik Syeikh Rahman, Pengurus Syarikat SR Sport Enterprise, Encik K.H Wong, Pengurus Syarikat K.H Luggage Sales and Services Sendirian Berhad serta Encik Kamarudzaman Md. Isa, selaku penasihat peribadi yang telah banyak memberikan semangat dan tunjuk ajar kepada saya dalam meyiapkan tesis ini.

Disini saya ingin memohon ampun dan maaf diatas segala tingkah laku dan kekasaran bahasa semasa mengambil dan mendapat bimbingan dari mereka yang tersebut diatas dan dari mereka yang tidak disebutkan disini. Teristimewa untuk ayahanda dan bonda yang turut sama membantu dan merestui kejayaan saya. Sekali lagi jutaan terimakasih saya ucapkan dan semoga Allah sahaja yang dapat membalasnya. Insya Allah..............Wassalam

BAB 1 : PENGENALAN.

Malaysia adalah sebuah negara yang digolongkan dalam kategori negara membangun.Negara membangun disini adalah negara yang masih lagi mengharapkan bantuan teknik atau kepakaran dan kewangan dari negara maju.Oleh yang demikian segala bentuk perusahaan masih lagi dianggap baru.

Seperti yang kita ketahui Malaysia belum lagi boleh dianggap sebagai negara perusahaan.Walau sudah ada tanda tanda yang menunjukkan hasil export barangan Malaysia sudahpun meningkat. Ini adalah kerana negara kita baru saja meneroka bidang perusahaan.Apa saja yang bersangkutan dengan pengeluaran perusahaan seperti teknik,mutu,rekaan dan lain lain masih lagi bergantung pada negara negara yang lebih maju.

Contohnya , walaupun kita sudahpun mengeluarkan kereta sendiri iaitu 'Proton Saga', tetapi peratus komponen tempatan hanyalah 30 peratus sahaja. Yang lainnya diimport dari Jepun yang sudah lama meneroka bidang ini. Begitu juga dengan teknik atau teknologi sambungan. Segala mesin untuk mengeluarkan baden badan juga didatangkan dari Jepun. Dari segi rekabentuk, para para pemerhati adalah dari bangsa bangsa Jepun. Dari segi rekabentuk ini, mereka adalah pereka pereka perusahaan yang berpengalaman. Walaupun begitu, negara sedar semuanya. Malah kerajaan perlu menghadapi hakikat ini. Kalau difikirkan sudah tepat masanya